

15/11/1999

Kebajikan guru sentiasa dijaga: Najib

Syuhada Choo Abdullah

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan tidak pernah menolak sebarang cadangan bagi memelihara kepentingan pendidikan negara, termasuk soal kebajikan guru, yang dibentangkan kepada Kabinet sejak beliau bertugas sebagai Menteri Pendidikan pada 1995.

Sebaliknya, beliau menegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta keseluruhan anggota Kabinet sentiasa memberi perhatian serius dan sokongan terhadap usaha untuk meningkatkan pembangunan pendidikan dan juga profesion perguruan tanah air.

Sebagai contoh, menurutnya, pembangunan bidang pendidikan sering menerima peruntukan besar dalam belanjawan negara selain keprihatinan kerajaan untuk membela nasib guru dengan menyediakan pelbagai projek seperti rumah guru, pelaksanaan program Diploma Perguruan Malaysia dan peluang naik pangkat.

Malah, katanya, guru bukan siswazah gred DG6 yang mendiami Kompleks Rumah Guru Taman Melati, di Gombak hanya perlu membayar sewa RM110 melalui potongan elaun perumahan bulanan sedangkan kadar sewa sebenar kondominium itu mengikut nilai pasaran terbuka dalam lingkungan RM800 sebulan.

Justeru walaupun tidak kerap mengadakan perjumpaan dengan golongan guru kerana sibuk dengan urusan tugas rasmi, beliau berkata, Dr Mahathir tetap memberi komitmen sepenuhnya untuk terus memantapkan perkembangan pendidikan negara secara keseluruhan.

"Mengikut sistem sekarang, tidak mungkin segala perubahan ke arah keadaan yang lebih ideal itu dapat dilaksanakan sekiranya tanpa sokongan daripada Perdana Menteri, Kabinet dan agensi kerajaan.

"Namun, kerajaan prihatin terhadap segala usaha berkenaan dalam wadah untuk membina tamadun yang agung dan berjaya serta menjadikan Malaysia sebagai negara maju serta disegani.

"Sehubungan itu sejak saya dilantik menjadi Menteri Pendidikan, tidak pernah sekali pun Perdana Menteri serta Kabinet menolak cadangan yang membabitkan kepentingan pendidikan dan juga kebajikan golongan guru," katanya ketika berucap dalam majlis perjumpaan dengan 160 Jemaah Nazir Sekolah di Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan (PPK).

Selain itu, Najib turut menekankan tanggungjawab golongan pendidik untuk membina bangsa dan melahirkan generasi muda yang mempunyai komitmen, nilai hidup murni, patriotik serta cintakan negara.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Najib mengumumkan bahawa Malaysia dipilih untuk menganggotai Lembaga Kerja Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) bagi Kumpulan Asia dan Pasifik bermula tahun ini sehingga 2003.

Pemilihan itu dibuat selepas Malaysia memperoleh 163 undi daripada 176 negara yang mengundi dalam pilihan raya pada 9 November lalu dalam Persidangan Agung Ke-30 Unesco yang berlangsung di ibu pejabat Unesco, Paris, dari 26 Oktober sehingga 17 November lalu.

Lembaga Kerja Unesco merupakan badan kedua tertinggi selepas Persidangan Agung Unesco yang bertanggungjawab untuk menentukan perkara arah kerja, matlamat dan dasar pertubuhan itu.

Menurut Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Malaysia bukan saja mendapat jumlah undi tertinggi bagi kawasan Asia dan Pasifik, malah juga tertinggi dalam pilihan raya Lembaga Kerja Unesco kali ini dan 1997.

Dalam persidangan agung kali ini, katanya, sebanyak 32 daripada 58 kerusi dalam Lembaga Kerja Unesco dipertandingkan mengikut kumpulan

rantau.

Bagi kumpulan rantau Asia dan Pasifik, beliau berkata, lapan daripada 12 kerusi dipertandingkan dengan 10 negara bertanding, termasuk Malaysia.

(END)